



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PUSTAKAWAN PEMACU UTAMA PEMBANGUNAN MASYARAKAT BERASASKAN ILMU PENGETAHUAN

Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pustakawan di seluruh negara sempena sambutan Hari Pustakawan pada hari ini. Sambutan ini bukan sahaja mengiktiraf sumbangan besar para pustakawan, malah mengangkat profesion pustakawan sebagai pemacu utama pembangunan masyarakat berasaskan ilmu pengetahuan.

Untuk makluman, di Malaysia kini terdapat seramai 1,149 pustakawan yang merangkumi 148 di Perpustakaan Negara Malaysia, 139 di Perpustakaan Awam Negeri, 1 di Perpustakaan Komuniti, 210 di Perpustakaan Khusus dan 651 di Perpustakaan Akademik.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata “dalam konteks pembinaan negara bangsa dan pembudayaan nilai murni, pustakawan memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi Malaysia MADANI, yang menekankan pembentukan masyarakat yang berilmu, bersatu padu, dan berbudaya nilai tinggi. Pustakawan bukan sekadar penjaga bahan bacaan, tetapi juga sebagai agen transformasi sosial, pemudah cara maklumat dan penggalak kepada budaya membaca yang inklusif”.

Kementerian juga amat menghargai komitmen para pustakawan dalam menjayakan Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021–2030, yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang tahun 2030. Usaha ini memerlukan keterlibatan aktif semua pihak, dan para pustakawan berada di barisan hadapan dalam mendorong tabiat membaca, memperkasa literasi digital serta membina masyarakat celik maklumat.

Menteri Perpaduan Negara turut menyatakan bahawa kecemerlangan sesebuah negara bergantung kepada tahap keilmuan dan kesatuan rakyatnya. Justeru, peranan pustakawan adalah sangat strategik dalam menyemai semangat cintakan ilmu, membina sahsiah masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara secara holistik.

Kementerian Perpaduan Negara

6 Jun 2025

KPN.100-9/1/16 (39)